

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING  
[ STAMPIN ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mempertimbangkan cadangan bahawa penggunaan bas sekolah dari 30 tahun ke atas diluluskan di Sarawak membandingkan tahap kegunaan tidak sama seperti di Semenanjung.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk meningkatkan had umur kenderaan bas sekolah melebihi 30 tahun.
2. Dengan mengambil perhatian terhadap faktor keselamatan, had umur sedia ada yang telah ditetapkan masih dikekalkan.

Sekian, terima kasih.